



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **8 Oct2021 (Friday)**

Berita Harian

Selangor sedia 150,000 dos Sinovac untuk remaja	1
'Gangguan air kurang selepas tambah baik aset kritikal'	2

Utusan Malaysia

Penjawat awam Selangor tolak vaksin berdepan tindakan	3
---	---

Harian Metro

Mohon permit dulu sebelum redah hutan	4
---------------------------------------	---

Kosmo

Tindakan tatatertib jika penjawat awam enggap vaksin	5
Kerajaan Selangor bantu kebun komuniti	6

Sinar Harian

Selangor ambil tindakan terhadap penjawat awam enggan divaksin	7
Taubat dan DNA ajaran sesat	8
Naugan ALLAH kepada pemimpin adil	9
Kerja selenggara tertangguh sejak 2019	10
SelVAX sasar 75,000 remaja 12 hingga 17 tahun	11

Era FM

Selangor Ambil Tindakan Tatatertib Penjawat Awam Enggan Divaksin	12
--	----

Nasional FM (87.7)

Kerja Selenggara Aset Kritikal Dapat Kurangkan Gangguan Bekalan Air	13
---	----

Selangor TV

Kebun Komuniti Seksyen 8 Prima Wajar Dijadikan Contoh - Mazwan Johar	14
MBSA Peruntuk RM7 Juta Atasi Masalah Banjir Kilat	15
Selangor Selenggara Loji Rawatan Air, Atasi Masalah Bekalan Tidak Berjadual	16
Seragam Waktu Operasi Projek Pembangunan Di Semua PBT - Exco	17

Sinar FM

Akan Ambil Tindakan Tatatertib Kepada Penjawat Awam Tidak Mahu Suntik Vaksin	18
--	----

Suria FM

Selangor Sedia 150,000 Dos Vaksin Untuk Remaja	19
--	----

The Star

COUNCIL NEWS	20
'Taman Wawasan lake upgrade 70% complete'	21
A struggle to maintain rundown buildings	22

New Straits Times

Nestle's door-to-door recycling programme expanded to Subang Jaya	23
---	----

Mix FM

Selangor Will Take Disciplin Reaction	24
---------------------------------------	----



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



TheStarTV

Selangor Govt To Start Vaccinating Adolescents After Procuring 150,000 Doses Of Sinovac 25

China Press

Maintenance for the first phase of the water treatment station to help reduce frequent water cuts 26

KDEB's environment cleaning complies with international standards, its 15 subcontractors have obtained ISO grade. 27

Sin Chew Daily

Water pipe broken caused the road collapse, a vehicle stuck at the hole 28

Selangor MB: Selangor river phase 1 water treatment plant must upgrade, to reduce water outage incident 29

Shah Alam was selected as a pilot city to "Avoid the use of single-use plastics" 30

Nanyang Siang Pau

Selangor allocates 150,000 doses of vaccines for the start-up of the teenage vaccination programme 31

Guang Ming Daily

26 Dengue cases in 55 days in Tama Taming Impian 32



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 8 October 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Selangor sedia 150,000 dos Sinovac untuk remaja
Muka Surat	:	7

Selangor sedia 150,000 dos Sinovac untuk remaja

Shah Alam: Selangor meluaskan pelaksanaan Program Vaksin Selangor (SelVAX) dengan pemberian 150,000 dos vaksin Sinovac kepada remaja berusia 12 tahun hingga 17 tahun.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata menerusi SelVAX Remaja itu, pihaknya menyasarkan pemberian vaksin kepada pelajar sekolah di bawah ketolakan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), termasuk Maahad Intergrasi Tahfiz Selangor (MITS) dan Sekolah Rendah Agama Intergrasi (SRAI) serta

Sekolah Kebangsaan (SK), termasuk jenis kebangsaan Cina dan Tamil.

"Kerajaan negeri akan bekerjasama dengan pelbagai agensi seperti JAIS, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS), Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) serta Pejabat Dewan Undangan Negeri (DU) bagi memastikan kelancaran program berkenaan.

"Perkara ini juga sudah dibawa oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Ke-

uarga, Dr Siti Mariah Mahmud dalam Mesyuarat Jawatankuasa Vaksinasi Kebangsaan, yang dipengerusikan Menteri Kesihatan pada Selasa lalu dan mendapat kelulusan untuk pelaksanaannya.

"Dengan pertambahan sebanyak 150,000 dos vaksin ini, ia akan melengkapkan sasaran kita untuk SelVAX Komuniti secara percuma kepada rakyat Selangor dengan anggaran 500,000 dos secara kesetruhan," katanya pada sidang media khas di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz

Shah, semalam.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, dianggarkan 75,000 pelajar akan menerima vaksin berkenaan dan kini perbincangan sedang dilakukan untuk memastikan ia tidak bersilang dengan program yang dilaksanakan di peringkat pusat.

Beliau berkata, pelaksanaan program berkenaan adalah dengan mengambil pendekatan ke sekolah supaya sasaran dapat dicapai dengan cepat dan tiada pelajar yang tertinggal daripada mendapat suntikan vaksin.

"Jadual pelaksanaan, termasuk jumlah sekolah serta pelajar yang terbabit akan diputuskan dalam tempoh seminggu ini," katanya.

Selain itu, beliau berkata, SelVAX bergerak masih mempunyai baki 12,000 dos dan pelaksanaannya akan diteruskan ke beberapa lokaliti lagi.

Dalam pada itu, Amirudin memaklumkan bahawa tindakan tatatertib akan dikenakan terhadap penjawat awam negeri yang secara sengaja tidak mahu menerima vaksin.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 8 October 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	'Gangguan air kurang selepas tambah baik aset kritikal'
Muka Surat	:	14

'Gangguan air kurang selepas tambah baik aset kritikal'

Shah Alam: Insiden gangguan bekalan air di negeri ini dijangka berkurangan selepas kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan aset kritikal yang akan menyebabkan henti tugas Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1) pada 13 Oktober ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata kerja penyelenggaraan itu perlu dilaksanakan selepas tertangguh sejak 2019 dan 2020 susulan beberapa insiden yang berlaku sebelum ini.

"Isu gangguan bekalan air di Selangor kebiasaannya berlaku disebabkan tiga faktor iaitu bekalan air mentah tidak mencukupi ketika kemarau atau pencemaran, kegagalan LRA berfungsi dan faktor luar kawalan.

"Jadi dengan pelaksanaan kerja penyelenggaraan ini, sudah pasti ia boleh kurangkan gangguan pada masa depan," katanya pada sidang media, semalam.

Amirudin berkata, 105 lori tangki disediakan untuk digerakkan ke kawasan terjejas dan ketutamaan akan diberi kepada premis kritikal seperti hospital, pusat dialisis dan bagi upacara pengubuhan.

Katanya, 18 pili awam juga disediakan, selain memberi peluang pembelian air menerusi lori tangki di empat stesen pengisian air setempat bagi pelanggan komersial (industri).

"Kita juga sedang menggerakkan semua sukarelawan pada peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN), ahli majlis, sukarelawan Team Selangor dan Penggerak Belia Selangor (PeBS) serta ketua kampung supaya membantu mereka yang memerlukan dan terjejas teruk akibat gangguan ini," katanya.

Sebelum ini, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) memaklumkan sebanyak 998 kawasan di Lembah Klang bakal berdepan gangguan bekalan air berjadual bermula 13 hingga 16 Oktober.

Kawasan itu memabitkan daerah Petaling, Klang/Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Kuala Langat dan Kuala Selangor.

Sementara itu, Amirudin berkata, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sudah mengambil langkah segera mengeluarkan perbelanjaan RM7 juta bagi menambah pam mengawal keadaan banjir khususnya di Seksyen 13 serta beberapa seksyen lain.

Katanya, perbelanjaan segera itu dijangka mengurangkan masalah banjir atau gangguan banjir kilat yang berlaku kebelakangan ini.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 8 October 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Penjawat awam Selangor tolak vaksin berdepan tindakan
Muka Surat	:	10

Penjawat awam Selangor tolak vaksin berdepan tindakan

SHAH ALAM: Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor meluluskan untuk mengambil tindakan terhadap penjawat awam negeri ini yang enggan menerima suntikan vaksin Covid-19.

Keputusan itu dibuat susulan keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor supaya penduduk patuh kepada Ulil Amri atau pihak berkuasa berhubung pengambilan vaksin.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari memberitahu, MMKN diberikan nasihat dan taklimat oleh Penasihat Undang-Undang Negeri dan bersetuju untuk melaksanakan tindakan tata-tertib kepada penjawat awam negeri ini yang secara sengaja tidak mahu menerima vaksin.

"Bentuk tindakan itu akan diputuskan oleh pihak jawatankuasa (tatatertib) tetapi kita juga akan melaksanakan kewajipan dalam kalangan penjawat awam, kita mahu mereka bekerja, bertindak dan dilindungi daripada kesan Covid-19.

"Kecuali atas faktor klinikal atau pun sebab mudarat lain seperti kesihatan dan nasihat daripada doktor dan sebagainya. Ada beberapa dalam klausa yang jelas, ada amaran, tindakan pemotongan sampailah pemberhentian. Tetapi bukanlah bererti kita hendak berhenti, tetapi itu klausa biasa," katanya dalam sidang akhbar semalam.

Beliau mengulas mengenai guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA), jurunikah dan pegawai masjid yang enggan menerima vaksin walaupun sudah diarahkan hadir dalam Program Pemberian Vaksin Khas pada 22 September lalu.

Malah, *Utusan Malaysia* sebelum ini melaporkan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa dukacita apabila 766 pegawai agama Islam di negeri ini enggan menerima suntikan vaksin.

Dalam pada itu, Amirudin memaklumkan kerajaan negeri akan mengikut dasar yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) di peringkat Kerajaan Persekutuan bergantung kepada kesesuaian.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

8 October 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Mohon permit dulu sebelum redah hutan
Muka Surat	:	8

Mohon permit dulu sebelum redah hutan

Shah Alam: Tidak boleh sesuka hati beriadah di hutan berikutan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) meletakkan syarat permohonan permit kepada individu berminat.

JPNS turut mengumumkan senarai kawasan Hutan Taman Negeri (HTN) yang dibenarkan untuk aktiviti pendakian bagi tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 3.

Menerusi hantaran di laman Facebook, JPNS memaklumkan kawasan HTN yang dibenarkan di daerah Selangor Tengah adalah Gunung Nuang, Gunung Hitam, Bukit Cenuang, Air Terjun Sungai Lepoh, Bukit Sa-

ga, Bukit Apek, Bukit Broga, Bukit Kembara, Air Terjun Ulu Perdik, Air Terjun Sungai Pisang dan Air Terjun Sofea Jane.

Manakala di daerah Hulu Selangor pula, kawasan HTN yang dibenarkan adalah Gunung Ulu Semangko, Bukit Choroko, Bukit Kutu, Air Terjun Lata Medang, Air Terjun Lata Macau, Air Terjun Setinggi, Air Terjun Lubuk Kawah, Air Terjun Lubuk Tedung dan Bukit Repin.

“Sebarang pertanyaan dan borang permit, boleh dimuat turun di laman web rasmi JPNS. Setiap satu kumpulan hanya dibenarkan seramai tujuh orang pendaki,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
8 October 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Tindakan tatatertib jika penjawat awam enggap vaksin
Muka Surat	:	5

Tindakan tatatertib jika penjawat awam enggan vaksin



AMIRUDIN pada sidang akhbar di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam semalam.

Oleh **ISKANDAR SHAH MOHAMED**

SHAH ALAM – Kerajaan Selangor akan mengambil tindakan tatatertib ke atas penjawat awam yang enggan menerima suntikan vaksin Covid-19 di negeri itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, keputusan itu dibuat selepas menerima nasihat dan taklimat Penasihat Undang-Undang negeri semalam.

"Kita akan melaksanakan tindakan tatatertib kepada mana-mana penjawat awam yang cara sengaja atau tidak mahu menerima suntikan vaksin.

"Bentuk tindakan itu bagaimanapun akan ditentukan pihak jawatankuasa terlibat kelak," katanya pada sidang akhbar di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam,

Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri, Dr. Siti Mariah Mahmud.

Jelas Amirudin, bentuk tindakan itu akan mengikut klausa biasa yang ditetapkan.

"Mungkin ada beberapa peringkat bermula daripada amaran, pemotongan sehingga ke tindakan pemberhentian.

"Tindakan itu bagaimanapun dikecualikan kepada mereka yang mempunyai alasan klinikal atau kesihatan oleh pakar berkaitan," ujarnya.

Tambah beliau, kerajaan negeri mahu penjawat awam melaksanakan tanggungjawab untuk dilindungi daripada kesan Covid-19 sekali gus mematuhi fatwa yang sudah ditetapkan.

Pada 22 September lalu, Kosmo! melaporkan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) akan mempersembahkan senarai nama individu yang menolak

pengambilan vaksin Covid-19 kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Senarai nama itu membabitkan guru-guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), pentadbir masjid dan penolong pendaftar nikah di negeri ini.

Sultan Sharafuddin sebelum itu bertitah bahawa pihak yang masih enggan menerima suntikan bakal berdepan kemungkinan untuk tidak dibenarkan meneruskan tugas selepas ini.

Ahad lalu, Mufti Selangor, Datuk Dr. Anhar Opir memaklumkan hukum penggunaan vaksin Covid-19 adalah harus dan wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan kerajaan.

Ketetapan itu dibuat menerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke-1/2021 yang bersidang pada 9 Februari lalu dan turut diperkenalkan Sultan Sharafuddin.



KERATAN AKHBAR
8 October 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Kerajaan Selangor bantu kebun komuniti
Muka Surat	:	16

Kerajaan Selangor bantu kebun komuniti

BANGI – Kerajaan Selangor memperuntukkan kira-kira RM250,000 menerusi Bantuan Pakej Kita Selangor 2.0 (PKS2.0) melibatkan empat kebun komuniti terpilih di setiap sembilan pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri tersebut.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Negeri Selangor, Ir Izham Hashim berkata, bantuan itu terdiri daripada peralatan tambahan termasuk baja untuk aktiviti perkebunan sekali gus sebagai galakan meningkatkan hasil tanaman yang diusahakan komuniti setempat.

“Kebun komuniti yang menerima bantuan ini dipilih oleh pihak PBT masing-masing iaitu dinilai berdasarkan usaha

(penduduk) sama ada aktif atau sebaliknya. Saya rasa (peruntukan) memang tidak cukup dan berharap akan ditingkatkan lagi tahun depan.

“Hal ini kerana ada sesetengah PBT itu mempunyai kebun komuniti yang banyak contohnya Shah Alam atau Subang Jaya, jadi empat kebun komuniti sahaja sedikit sangat.

“Namun tidak mengapa ini untuk permulaan. Kita tingkatkan lagi pada masa akan datang dalam memberi sokongan dan bantuan kepada kebun komuniti ini,” katanya pada program lawatan di daerah Hulu Langat dan penyerahan bantuan PKS2.0 di Kebun Komuniti Seksyen 8, Bandar Baru Bangi di sini semalam.



IZHAM (tengah) menyerahkan sumbangan peralatan perkebunan di Kebun Komuniti Seksyen 8, Bandar Baru Bangi semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

8 October 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Selangor ambil tindakan terhadap penjawat awam enggan divaksin
Muka Surat	:	11

Selangor ambil tindakan terhadap penjawat awam enggan divaksin

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor akan mengambil tindakan tatatertib ke atas penjawat awam di negeri ini yang enggan menerima vaksin Covid-19.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, keputusan itu dibuat setelah pihaknya menerima nasihat dan taklimat oleh Penasihat Undang-Undang Selangor pada Rabu.

Amirudin berkata, bentuk tindakan berkenaan masih belum ditentukan oleh pihak jawatankuasa dan akan diputuskan dalam tempoh seminggu.

“Kita akan ambil tindakan tatatertib kepada penjawat awam yang secara sengaja atau tidak mahu divaksin.

“Kita perlu melaksana-

kan kewajipan kepada penjawat awam dan mahu mereka dilindungi kecuali individu yang tidak boleh mengambil vaksin atas faktor kesihatan dan nasihat pakar,” katanya sewaktu sidang akhbar yang berlangsung di Bangunan Setiausaha Kerajaan (SUK) Selangor pada Khamis.

Amirudin mengulas mengenai perkembangan guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA), pentadbir masjid dan penolong pendaftar nikah di negeri ini yang sebelum ini dilaporkan enggan menerima vaksin Covid-19.

Ahad lalu, Mufti Selangor, Datuk Dr Anhar Opis berkata, hukum penggunaan vaksin adalah harus dan wajib diambil golongan ditetapkan kerajaan.

MEDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
8 October 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Taubat dan DNA ajaran sesat
Muka Surat	:	17

Taubat dan DNA ajaran sesat



KURIK-KURIK KUNDI

ZUKI PILEH

Selepas muncul Agama Melayu pada awal tahun ini, tiada angin tiada ribut tiba-tiba datang pula ajaran Perjalanan Mimpi Yang Terakhir (PMYT). Terbaru, seorang anak tergamak membunuh ibu ayah sendiri selepas bertelagah hal ketuhanan dipercayai akibat terpengaruh ajaran pelik. Si anak kemudian disahkan positif dadah jenis syabu.

Ajaran sesat nampaknya terus menjadi duri dalam daging yang mampu mengancam akidah umat Islam di Malaysia. Walaupun ketua ajaran sesat ini sering membuat dakwaan tidak masuk akal seperti boleh bertemu Rasulullah secara nyata dan bercakap dengan para malaikat, masih ada individu yang mempercayainya. Malangnya, sekali terjebak, pemulihan akidah akan mengambil masa yang sangat lama. Dalam sesetengah kes di negara ini, pengikut tegar ajaran sesat amat sedikit

dapat dipulihkan. Ia seakan-akan telah menjadi DNA mereka.

Dalam kes PMYT, ketuanya sudah pun membuat pengisytiharan taubat serta kembali kepada ajaran Islam sebenar baru-baru ini. Pengakuan taubat itu katanya dibuat dengan rela hati dan tanpa paksaan mana-mana pihak.

Bagaimanapun, sesetengah pihak sangat skeptikal dengan taubat terbuka begini. Ini kerana sudah banyak berlaku perisytiharan taubat seperti ini sebelum ini tetapi akhirnya kembali macam biasa. Pengikut masih ramai, penghujungnya koloni terpesong terbina semula.

Suatu ketika dahulu, satu negara dikejutkan dengan ajaran 'Kerajaan Langit' Ayah Pin, yang disenaraikan pihak berkuasa sebagai kumpulan agama sesat. Mereka berkampung di Kampung Batu 13, Hulu Besut, Terengganu.

Ayah Pin menyifatkan dirinya sebagai wakil 'Tuhan' bagi semua agama. Kira-kira 150 pengikutnya pula menganggap Ayah Pin sebagai Tuhan yang menerima wahyu dari langit dan segala yang dibuatnya berasaskan wahyu itu.

Walaupun Ayah Pin sudah meninggal dunia pada April 2016, DNA 'Kerajaan Langit' tidak hilang begitu sahaja. Pengikutnya dipercayai masih ada ber-

dasarkan pengakuan terbuka dalam video yang tersebar di YouTube.

Dalam kes Rasul Melayu, pemimpinnya telah mengisytiharkan taubat secara terbuka pada 2016 ketika menjalani hukuman penjara atas kesalahan menyebarkan ajaran sesat.

Majlis istitabah itu dianjurkan Majlis Agama Islam Selangor dengan lelaki itu memohon ampun kepada ALLAH atas kedustaannya selama ini. Dia turut memohon maaf kepada Sultan Selangor selaku ketua agama Islam negeri dan seluruh umat Islam.

Namun begitu, tempat tahun selepas dibebaskan dan melafaz taubat, dia sekali lagi ditahan bersama 16 pengikutnya oleh Jabatan Agama Islam Selangor kerana dipercayai kembali aktif menyebarkan ajaran yang difatwakan haram pada 1991.

Satu lagi contoh klasik ialah Kumpulan Al-Arqam yang diasaskan Ashaari Muhammad. Ashaari ditangkap dan melafaz taubat pada tahun 1994. Selama 10 tahun dia ditahan termasuk tahanan rumah dan menjalani proses pemulihan bersama pengikutnya.

Walaupun Ashaari telah meninggal dunia pada 2010, fahaman Al-Arqam tersebar dipimpin pula oleh isteri Ashaari sendiri iaitu Hatijah Aam ataupun lebih

dikenali sebagai Ummu Jah.

Pada 7 November 2013, Ummu Jah mengaku bersalah di Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat di Kuang, Selangor kerana menghidupkan ajaran Al-Arqam yang diharamkan. Dua hari kemudian barulah Ummu Jah mengetuai 300 pengikut kumpulan itu melafazkan taubat dalam satu majlis anjuran JAIS.

Dalam Islam, apabila seseorang mengisytiharkan taubat kita hendaklah menerima seadanya. Begitu lah pendapat bekas Menteri Agama, Senator Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

Pada masa sama pihak berkuasa harus mengambil langkah susulan untuk membimbing dan memulihkan bekas ketua dan pengikut ajaran terbabit. Umat Islam pula wajar mengambil tahu ciri-ciri ajaran sesat supaya tidak mudah terjebak.

Seperti kata Imam as-Shafie: "Jika kamu melihat seseorang boleh terbang di udara, dan boleh berjalan di atas air, jangan kamu tertipu dengannya sehingga kamu mengukur peribadi dan amalannya dengan pertimbangan neraca al-Qur'an dan al-Sunnah."

* Zuki Pileh ialah Timbalan Pengarang Berita Sinar Harian



KERATAN AKHBAR 8 October 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kerja selenggara tertangguh sejak 2019
Muka Surat	:	26

Kerja selenggara tertangguh sejak 2019

MB beri jaminan penambahbaikan aset kritikal dapat kurangkan gangguan air di Selangor

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Kerajaan Selangor memberi jaminan kerja-kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan aset kritikal yang menyebabkan penutupan Loji Rawatan Air (LRA) pada 13 Oktober ini akan mengurangkan berlakunya isu gangguan bekalan air di negeri itu selepas ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerja penyelenggaraan itu

perlu dilaksanakan selepas tertangguh sejak tahun 2019 lagi susulan daripada beberapa insiden yang berlaku sebelum ini.

Beliau berkata, isu gangguan bekalan air di Selangor kebiasaannya berlaku disebabkan tiga faktor iaitu bekalan air mentah tidak mencukupi sewaktu kemarau atau pencemaran, kegagalan LRA berfungsi dan faktor luar kawalan.

“Jadi dengan pelaksanaan kerja penyelenggaraan ini, sudah pasti ia boleh kurangkan gangguan pada masa hadapan,” katanya ketika sidang akhbar yang berlangsung di Bangunan Setiausaha Kerajaan (SUK) Selangor pada Khamis.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd



AMIRUDIN

(Air Selangor) memaklumkan 998 di Lembah Klang bakal berdepan gangguan bekalan air berjadual bermula 13 sehingga 16 Oktober susulan pelaksanaan kerja-kerja penambahbaikan itu.

Kawasan terlibat adalah membabitkan daerah Petaling, Klang/Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Kuala Langat dan Kuala Selangor.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, kerja-kerja penyelenggaraan itu tidak boleh ditangguhkan berikutan dibimbangi akan memberi kesan lebih buruk terhadap operasi di setiap LRA.

“Ia akan beri kesan gangguan bekalan lebih panjang sebagaimana berlaku pada tahun 2008 dan 2013 lalu di mana kebanyakan LRA ketika itu gagal berfungsi dengan baik,” katanya.

GANGGUAN BEKALAN AIR



KERATAN AKHBAR		
8 October 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	SelVAX sasar 75,000 remaja 12 hingga 17 tahun
Muka Surat	:	26

SelVAX sasar 75,000 remaja 12 hingga 17 tahun

SHAH ALAM - Program Vaksin Selangor (SelVAX) akan diperluaskan lagi dengan memberi fokus kepada 75,000 individu remaja berusia antara 12 hingga 17 tahun di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, fokus program SelVAX untuk remaja yang memperuntukkan 150,000 dos vaksin Covid-19 itu akan memberi tumpuan kepada pelajar sekolah di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan sekolah persendirian mengikut keutamaan.

Amirudin berkata, menerusi pelaksanaan itu, kerajaan negeri mengambil pendekatan lebih bersasar dengan terus ke sekolah terlibat bagi memberikan suntikan berkenaan kepada pelajar.

“Kita akan tumpu kepada pelajar yang memerlukan kerana kaedah sebegini lebih cepat dan berkesan dalam memastikan tiada yang tertinggal bagi mendapatkan vaksinasi Covid-19,” katanya pada Khamis.

Dalam pada itu, Amirudin berkata, program SelVAX Remaja itu akan menggunakan vaksin jenis Sinovac sebagaimana oleh diluluskan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan mereka yang mempunyai penyakit kritikal tidak dibenarkan men-



Kita akan tumpu kepada pelajar yang memerlukan kerana kaedah sebegini lebih cepat dan berkesan dalam memastikan tiada yang tertinggal bagi mendapatkan vaksinasi Covid-19.”



dapatkan suntikan berkenaan.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga akan mengeluarkan jadual pemberian vaksin untuk program itu dalam tempoh seminggu secara berperingkat.

“Sekolah di bawah JAIS akan diberi keutamaan dan mungkin kita juga boleh buka kepada sekolah rendah yang lain,” katanya.



Laporan Sinar Harian pada 3 Oktober lalu.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
7 October 2021

Akhbar	:	Era FM
Tajuk Berita	:	Selangor Ambil Tindakan Tatatertib Penjawat Awam Enggan Divaksin
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
7 October 2021

Akhbar	:	Nasional FM (87.7)
Tajuk Berita	:	Kerja Selenggara Aset Kritikal Dapat Kurangkan Gangguan Bekalan Air
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
7 October 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Kebun Komuniti Seksyen 8 Prima Wajar Dijadikan Contoh - Mazwan Johar
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
7 October 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	MBSA Peruntuk RM7 Juta Atasi Masalah Banjir Kilat
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
